

# REQUEST FOR PROPOSAL

CADANGAN PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR BAGI MENYOKONG PROGRAM PENANAMAN PADI LIMA (5) MUSIM DALAM TEMPOH DUA (2) TAHUN DI KAWASAN MUDA DI BAWAH SELIAAN LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) SECARA KERJASAMA AWAM SWASTA

UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA  
JABATAN PERDANA MENTERI

Syarikat yang berdaftar di Malaysia, termasuk usaha sama dan konsortium yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang berkaitan adalah dijemput untuk menyertai *Request for Proposal* ("RFP") seperti yang berikut:

SESI TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK			DOKUMEN RFP
<b><u>SESI TAKLIMAT:</u></b> Tarikh : 21 Ogos 2023 Masa : 8.30 pagi Tempat : Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda/ <i>Muda Agricultural Development Authority</i> (MADA), Ampang Jajar, Alor Setar, Kedah Darul Aman			<b><u>TARIKH DAN MASA PEMBELIAN:</u></b> 23 Ogos 2023 (Rabu) hingga 25 Ogos 2023 (Jumaat)  <b>Rabu – Khamis</b> 9.00 pagi – 12.00 tengahari 2.30 petang – 4.00 petang  <b>Jumaat</b> 9.00 pagi – 12.00 tengahari 3.00 petang – 4.00 petang
<b><u>LAWATAN TAPAK:</u></b>			<b><u>LOKASI:</u></b> Seksyen Khidmat Pengurusan Unit Kerjasama Awam Swasta Jabatan Perdana Menteri Aras 2, Blok Menara, Menara Usahawan Persiaran Perdana, Presint 2 62652 Putrajaya
Tarikh	Masa	Tempat	<b><u>HARGA:</u></b> Ringgit Sepuluh Ribu (RM10,000.00) sahaja (Tidak dikembalikan)
21 Ogos 2023	11.00 pagi	Program Pemulihan Menyeluruh Empangan Pedu  Lokasi:  Empangan Pedu, Padang Terap, Kedah Darul Aman	
22 Ogos 2023	8.30 pagi	Pembinaan dan Penyenggaraan 100 Blok Sistem Pengairan Tersier  Lokasi:  Pertubuhan Peladang Kawasan MADA F-IV Sg	

		Limau Dalam, Yan, Kedah Darul Aman (Tempat berkumpul)	
	2.00 petang	Skim Pemindahan Air Jeniang Fasa II  Lokasi:  Skim Pemindahan Air Jeniang (SPAJ), Kampung Langgok, Jeneri, Kedah Darul Aman (Tempat berkumpul)	
<p><b>Syarikat hendaklah berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 [Akta 777]. Kehadiran ke sesi taklimat dan lawatan tapak adalah <u>DIWAJIBKAN</u> dan syarikat hendaklah diwakili oleh pegawai yang berjawatan tidak rendah daripada pengarah syarikat. Hanya pegawai yang namanya dinyatakan dalam perakuan pemerbadanan syarikat dibenarkan menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak tersebut dan dikehendaki membawa sesalinan perakuan pemerbadanan dan <u>cop rasmi</u> syarikat.</b></p>			<p><b>Kegagalan mana-mana syarikat untuk menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak serta mengemukakan slip kehadiran bagi sesi taklimat dan semua lawatan tapak akan menyebabkan syarikat tersebut hilang kelayakan untuk membeli dokumen RFP dan menyertai RFP ini.</b></p>

Bayaran dokumen RFP hendaklah dibuat dalam bentuk bank draf atas nama “**AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA-JPM-T**”.

Maklumat berhubung dengan syarat-syarat RFP ini dijelaskan dengan lebih lanjut dalam dokumen RFP. Semua cadangan hendaklah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender, Level 10, Blok Menara, Menara Usahawan, Persiaran Perdana, Presint 2, 62652 Putrajaya selewat-lewatnya pada atau sebelum jam 12.00 tengahari, 29 SEPTEMBER 2023.**

Apa-apa cadangan yang diterima selepas dari tarikh dan masa yang dinyatakan tidak akan dilayan dan dipertimbangkan. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kos dan perbelanjaan yang dibuat oleh syarikat dalam menyertai RFP ini.